



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN 3
PAT3 2018**

**UJIAN BERTULIS
OGOS**

2 Jam

02

Bahasa Melayu

**PANDUAN
PENSKORAN**

Panduan penskoran ini mengandungi 21 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN AKHIR TINGKATAN 3 2018

Markah penuh	:	100 markah
Bahagian A (Sistem Bahasa)	:	25 markah
Bahagian B (Pemahaman)	:	30 markah
Bahagian C (Ulasan)	:	15 markah
Bahagian D (Karangan)	:	30 markah

BAHAGIAN A : (Sistem Bahasa)

Soalan 1

Kesalahan bahasa

BIL	KESALAHAN BAHASA YANG PERLU DIGARISKAN (1M)	JAWAPAN YANG PERLU DIBETULKAN (1M)	ASPEK YANG DIUJI	MARKAH
(i)	balai raya-balai raya	balai-balai raya	Kata majmuk	2 m
(ii)	hidangan	santapan	Kata nama	2 m
(iii)	teramat	amat	Kata Tugas	2 m
	teramat kagum	amat kagum		
	teramat kagum sekali	amat kagum sekali/ teramat kagum		
(iv)	kontang-kanting	kering-kontang	Kata ganda	2 m

[8 markah]

- *Kesalahan bahasa yang digaris betul = 1m*
- *Jawapan betul = 1m*
- *Jika kesalahan bahasa yang digaris salah dan jawapan yang diberikan betul = 0 m*

Soalan 2

Kesalahan ejaan

BIL	SALAH	BETUL	MARKAH
(i)	tata-tertib	tataterrib	1 m
(ii)	menguat kuasakan	menguatkuasakan	1 m
(iii)	Keenakkan	Keenakan	1 m

[3 markah]

Soalan 3

Susun perkataan atau frasa menjadi ayat susunan songsang yang gramatis.

MARKAH	KRITERIA
2 markah	- Ayat songsang susunan yang gramatis.
0 markah	- Ayat songsang yang tidak menepati susunan songsang.

- (i) Lelaki berbaju kot dan bertali leher itu/pegawai teknologi maklumat.
Pegawai teknologi maklumat lelaki berbaju kot dan bertali leher itu. [2 markah]
- (ii) Kanak-kanak itu/bermain layang-layang/di padang.
Bermain layang-layang di padang kanak-kanak itu. [2 markah]
Bermain layang-layang kanak-kanak itu di padang. [2 markah]
Di padang bermain layang-layang kanak-kanak itu. [2 markah]
Di padang kanak-kanak itu bermain layang-layang. [2 markah]
- (iii) Pembelajaran Abad ke-21/akan dilaksanakan sepenuhnya/di sekolah-sekolah.
Akan dilaksanakan sepenuhnya Pembelajaran Abad ke-21 di sekolah-sekolah. [2 markah]
Akan dilaksanakan sepenuhnya di sekolah-sekolah Pembelajaran Abad ke-21. [2 markah]
Di sekolah-sekolah Pembelajaran Abad ke-21 akan dilaksanakan sepenuhnya. [2 markah]
Di sekolah-sekolah akan dilaksanakan sepenuhnya Pembelajaran Abad ke-21. [2 markah]
- (iv) Generasi muda/perlu bijak menggunakan media sosial/demi kesejahteraan negara.
Perlu bijak menggunakan media sosial generasi muda demi kesejahteraan negara. [2 markah]
Demi kesejahteraan negara, generasi muda perlu bijak menggunakan media sosial. [2 markah]
Perlu bijak menggunakan media sosial demi kesejahteraan negara generasi muda. [2 markah]
Demi kesejahteraan negara perlu bijak menggunakan media sosial generasi muda. [2 markah]

(v) Terengganu/amat masyhur/dengan perusahaan kain batik yang berkualiti tinggi.

Amat masyhur dengan perusahaan kain batik yang berkualiti tinggi
Terengganu [2 markah]

Amat masyhur Terengganu dengan perusahaan kain batik yang
berkualiti tinggi. [2 markah]

Dengan perusahaan kain batik yang berkualiti tinggi Terengganu
amat masyhur. [2 markah]

Dengan perusahaan kain batik yang berkualiti tinggi amat masyhur
Terengganu. [2 markah]

[10 markah]

*Jawapan yang tidak lengkap = 0 markah

*Menambah atau menggugurkan perkataan = 0 markah

Soalan 4*Peribahasa*

MARKAH	KRITERIA
2 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang tepat
	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang berubah struktur tetapi tidak menjelaskan / berubah maksud (perubahan setara)
1 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang masih tepat
0 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang tidak tepat
0 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa (perumpamaan) yang digugurkan perkataan bagi / umpama / ibarat dll

Tema : Kesihatan

- (i) Mencegah lebih baik daripada mengubati [2 markah]
(ii) Badan cergas minda cerdas [2 markah]
(iii) Sediakan payung sebelum hujan [2 markah]
(iv) Pahit dahulu manis kemudian [2 markah]
(v) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan [2 markah]
(vi) Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih [2 markah]
(vii) Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak [2 markah]
[4 markah]

* Menggugurkan/ menambahkan perkataan “seperti/bagai/bak/umpama/laksana” = 0m

* Jika ada dalam Kamus Peribahasa – diterima

* Jika tambah partikel ‘lah’ atau ‘nya’ – 0m

* Struktur peribahasa mesti sama dengan peribahasa sebenar.

* Jika beri lebih daripada dua jawapan terima hanya dua jawapan yang di atas sahaja.

BAHAGIAN B : (Pemahaman)**Soalan 5*****Pemahaman Prosa Tradisional****Kriteria bagi soalan 3 markah*

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

- (i) Setelah mereka mendengar keluhan Si Miskin dengan orang berkedai, Si Miskin menerima [3 markah]

- buah
- juadah
- nasi
- kain
- buah-buahan

* isi cukup: 2 daripada isi di atas

- (ii) Dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan prosa tersebut [3 markah]

- nilai kegigihan
- nilai kasih sayang
- nilai keprihatinan
- nilai tanggungjawab

* isi cukup: 2 daripada isi di atas

Kriteria bagi soalan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugasan serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugasan dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Cara yang dapat dilakukan untuk membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka

[4 markah]

- Kerajaan memberikan sumbangan/pinjaman modal untuk memulakan perniagaan/menyambung pelajaran.
- Kerajaan memberi subsidi, BRIM dan perumahan rakyat.
- Kerajaan/pihak swasta membuka peluang pekerjaan kepada golongan miskin.
- Kerajaan/ pihak swasta/NGO menawarkan kursus kemahiran/khidmat nasihat untuk memulakan perniagaan.
- Individu/Masyarakat memberikan sumbangan tenaga/wang ringgit untuk meringankan bebanan golongan miskin.

* **Isi cukup : 2 daripada isi di atas atau isi-isi lain yang relevan**

Soalan 6*Pemahaman Puisi (Sajak)**Kriteria bagi soalan 3 markah*

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

- (i) Berdasarkan rangkap kedua sajak di atas, **dua** pesanan ibu penyajak kepada anaknya semasa memilih kawan [3 markah]
- memilih kawan yang berhati mulia.
 - menjauhi/menolak kawan yang mementingkan diri.
 - memilih kawan yang memberi petunjuk/kebaikan.
 - menjauhi/menolak kawan yang mempunyai tabiat buruk.

***Isi cukup: 2 daripada isi di atas.**

- (ii) **Dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [3 markah]
- Persoalan keprihatinan seorang ibu.
 - Persoalan kasih sayang seorang ibu.
 - Persoalan tanggungjawab seorang anak.
 - Persoalan tanggungjawab seorang ibu.
 - Persoalan kepentingan menuntut ilmu pengetahuan.
 - Persoalan sikap berhati-hati dalam memilih kawan.
 - Persoalan kebaikan mendengar nasihat ibu dalam memilih kawan.

***Isi cukup: 2 daripada isi di atas**

Kriteria bagi soalan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugasan serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugasan dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Pada pendapat saya, usaha yang boleh saya lakukan untuk membentuk sahsiah diri yang mulia [4 markah]

- Saya haruslah mengamalkan tuntutan agama yang secukupnya.
- Saya haruslah menerapkan nilai-nilai murni dalam diri.
- Saya harus menjadi suri teladan kepada rakan-rakan.
- Saya harus menyertai program yang berkaitan budi bahasa/membentuk sahsiah diri/keagamaan.
- Saya haruslah mendengar nasihat ibu bapa.
- Saya haruslah bijak memilih rakan sebaya yang membawa kebaikan.

***Isi cukup: 2 daripada isi di atas atau isi-isi lain yang relevan**

Soalan 7*Novel***Pembahagian Markah**

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa baik dan lancar • Ayat gramatis • Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2 - 3 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih baik dan masih lancar • Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Kurang Memuaskan	1 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa tidak cekap • Ayat tidak gramatis • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

1. Maksimum : 3 isi
2. Pengajaran bagi setiap latar tempat yang diberikan dan contoh peristiwa yang lengkap : 2 markah
3. Pengajaran bagi setiap latar tempat yang diberikan tanpa contoh : 1 markah peristiwa yang lengkap

* Kalau isi kurang, bahasa boleh dapat peringkat baik:

$$\text{Contoh:} \quad \begin{array}{rcl} \text{Isi} & = & 2 \text{ markah} \\ \text{Bahasa} & = & 3 \text{ markah} \end{array}$$

$$\begin{array}{rcl} & & - \\ & & 5 \text{ markah} \end{array}$$

* Pemarkahan secara holistik

* Isi – pengajaran + contoh peristiwa (1 markah + 1 markah = 2 markah)

* Jika calon menulis dalam bentuk poin markah bahasa kurang atau 0 markah

NOVEL TINGKATAN 2 <i>Jalan ke Puncak karya Juri Durabi (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak)</i>	
RUMAH LAIMAN	<p>Kita hendaklah mendengar nasihat ibu bapa kita dalam membuat sesuatu keputusan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di rumahnya, Laiman tetap dengan keputusan untuk menolak tawaran berkerja dengan kerajaan walaupun Pak Kiassim menasihati Laiman untuk menerima tawaran tersebut.
LOJI MINYAK	<p>Kita hendaklah gigih menyelesaikan setiap tugas yang telah diamanahkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa Laiman gigih menjalani latihan industri. Laiman gigih menjalani latihan praktikal di sebuah syarikat pengeluar minyak terkenal di Miri, Sarawak.
KOTA KINABALU	<p>Kita hendaklah rajin mencari rezeki untuk masa depan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laiman akan pergi ke kampung-kampung mencari pisang dan kelapa tua atau muda untuk dihantar ke Kota Kinabalu. Laiman mahu mencari duit sebanyak mungkin.

NOVEL TINGKATAN 2 <i>Meniti Impian karya Osman Ayob (Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya)</i>	
RUMAH PAK YUSUF	<p>Kita hendaklah rajin membantu orang lain dalam melakukan sesuatu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zahar membantu Pak Yusuf menyiapkan rak kasut.
IKM SUNGAI PETANI	<p>Kita hendaklah gigih dalam menuntut ilmu hingga berjaya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa Zahar gigih belajar dengan bersungguh-sungguh sebelum menduduki peperiksaan aras di IKM Sungai Petani.
SIK	<p>Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zahar sentiasa melawat keluarganya di Sik ketika belajar di IKM.

NOVEL TINGKATAN 2 <i>Jejak MONPUS karya Zulaiha Paikon (Kelantan, Terengganu dan Pahang)</i>	
RUMAH ZAHAR	<p>Kita hendaklah rajin berusaha untuk menyelesaikan sesuatu masalah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa Zahar rajin menjalankan kajian berkaitan spesies ulat bulu yang ditemuiinya di makmal rumahnya.
PULAU PISANG	<p>Kita mestilah gigih menjalankan kajian untuk mencari penawar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa Zahar gigih mencari penawar hingga ke Pulau Pisang bagi mengubati pus-pusnya yang semakin tenat.
KEM KAIZEN	<p>Kita hendaklah berani menyahut cabaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zahar dan rakan-rakannya berani menyertai kembara ilmu. Zahar mengalami kecederaan akibat terjatuh ke dalam jurang semasa di Kem Kaizen.

NOVEL TINGKATAN 2 <i>Darah Titik di Semantan karya Arman Sani (Johor, Sabah, Sarawak, WP Labuan)</i>	
RUMAH DATUK BAHAMAN	<p>Kita mestilah bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu perkara.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat penting telah diadakan di rumah Datuk Bahaman pada waktu malam untuk bekerjasama menyelesaikan masalah penjajahan Inggeris.
RUMAH PASUNG	<p>Kita wajarlah membantu rakan kita yang teraniaya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Bahaman mengambil anak kunci penjara untuk membantu Pak Uda Ismail, Pak Abas dan Samad melepaskan diri selepas ditangkap oleh Inggeris di rumah pasung.
LUBUK SENGARAT	<p>Kita hendaklah gigih mempertahankan tanah air daripada serangan penjajah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tuk Muda Bidin, Datuk Bahaman, Mat Lela dan Tuk Selampit mengawal Lubuk Sengarat daripada mata-mata Inggeris.

BAHAGIAN C : (Ulasan)

Soalan 8

Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:

- (a) Pemeriksa perlu memberikan penekanan pada idea yang ditulis oleh calon.
- (b) Bahasa dinilai secara tanggapan (*impression*) berdasarkan kriteria.
- (c) Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan jawapan karangan.
- (d) Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13 - 15	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas dan matang <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat gramatis - Kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul - Penanda wacana yang betul - Kesalahan bahasa yang minimum
Baik	09 - 12	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat masih gramatis - Kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Penanda wacana yang masih betul - Kesalahan bahasa yang masih minimum
Kurang Memuaskan	05 - 08	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat atau tersirat yang masih relevan dengan bahan - Ulasan idea yang kurang jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis - Kosa kata terhad - Kesalahan bahasa yang ketara
Penguasaan Minimun	01 - 04	- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap

Cara penandaan dan pemberian markah ulasan:

- (i) Pemeriksa dikehendaki menandakan (✓) apabila terjumpa isi.
- (ii) Baca dan periksa setakat 100 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
- (iii) Buat satu garisan panjang selepas 100 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.

Nota tambahan :

- a. Ulasan kurang daripada 80 patah perkataan :
 - Kurang matang
 - Jika bahasa baik, **markah maksimum 12 (Baik)**
- b. Ulasan lebih daripada 100 patah perkataan.
 - Tidak patuh arahan
 - **Markah maksimum 13 (Cemerlang Bawah)**
- c. Jika calon menyalin maklumat daripada bahan rangsangan tanpa sebarang binaan ayat sendiri – **markah maksimum 5 (Kurang Memuaskan)**
- d. Jika ulasan idea hanya merujuk tema bahan tetapi tidak menggunakan sebarang bahan daripada tema tersebut – **markah maksimum 8 (Kurang Memuaskan)**
- e. Jika ulasan tiada pendahuluan dan penutup – **terima seperti biasa**
- f. Isi tersurat atau isi tersirat tiada bilangan had.

Cadangan jawapan:**Isi Tersurat:**

1. Tokoh Sasterawan Negara ke-13 ialah Datuk Dr. Zurinah binti Hassan
2. Beliau dilahirkan pada 13 Jun 1949 di Bakar Bata, Alor Setar, Kedah
3. Taraf pendidikan beliau Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya (2008), Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia (2001) dan Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia (1974).
4. Beliau telah menghasilkan 19 buah buku antologi sajak, antologi puisi, kajian sastera, autobiografi, memoir, antologi cerpen dan novel.
5. Beliau menerima anugerah Anugerah Tokoh Sasterawan Negara ke-13 (2016), Hadiah Sastera Perdana, Anugerah Puisi Negara-negara ASEAN (Sunthorn Phu Poet Laureate, 2013), Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Award, 2004) dan Anugerah Puisi Putera (1984).

Isi tersirat:

1. Kepentingan menuntut ilmu.
2. Menambahkan bahan ilmiah.
3. Wanita pertama menerima anugerah sasterawan negara.
4. Menjadi suri teladan kepada masyarakat.
5. Menjadi sumber rujukan kepada pelajar.
6. Menjadi idola bagi penggiat sastera.
7. Menanam minat golongan muda terhadap karya sastera.
8. Menaikkan imej negara dalam bidang sastera.
9. Kerjaya sampingan yang memberi pendapatan lumayan.

NOTA:

- i. Idea mesti merangkumi kedua-dua bahagian isi tersurat dan isi tersirat.
- ii. Terima mana-mana idea yang relevan.

BAHAGIAN D : (Karangan)**Soalan 9**

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	26 - 30
Kepujian	20 - 25
Baik	15 - 19
Kurang Memuaskan	10 - 14
Penguasaan Minimum	01 - 09

Kriteria Menilai Kemahiran Menulis

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> - Kegramatisan : Kata (Morfologi) : Ayat (Sintaksis) - Ejaan dan tanda baca - Kosa kata
IDEA	<ul style="list-style-type: none"> - Isi-isi - Huraian isi - Contoh
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan - Pemerengganan - Format - Unsur keindahan bahasa / ungkapan menarik

Kriteria Penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
CEMERLANG	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugasan - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerengganan yang sesuai - Format menepati kehendak tugasan - Penggunaan penanda wacana yang tepat - Penggunaan ungkapan menarik, tepat dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik
KEPUJIAN	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugasan - Huraian idea jelas dan menarik - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerengganan yang sesuai - Format menepati kehendak tugasan - Penggunaan penanda wacana yang sesuai - Penggunaan ungkapan menarik, sesuai dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik

BAIK	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan tugasan - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan masih menarik dan masih berkesan dengan pemerengganan yang masih sesuai - Format masih menepati kehendak tugasan - Penggunaan penanda wacana masih sesuai
		<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugasan - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - Kesalahan bahasa ketara <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerengganan yang kurang sesuai - Format kurang menepati kehendak tugasan - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
KURANG MEMUASKAN	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugasan - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - Kesalahan bahasa ketara <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerengganan yang kurang sesuai - Format kurang menepati kehendak tugasan - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
PENGUASAAN MINIMUM	01 - 09	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugasan atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (*impression*) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan adalah dengan menjawab tugasan, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan mengikut karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk membuat pertimbangan yang muktamad. Ketika membaca, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti berikut:

—	Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
○	Kesalahan tanda baca
[]	Kesalahan isi / fakta

3. Pemotongan markah untuk ejaan yang salah :
 - a. $\frac{1}{2}$ markah dipotong bagi ejaan yang salah
 - b. Pemotongan keseluruhan yang tidak lebih daripada 2 markah
 - c. Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira
 - d. Ejaan hendaklah mengikut sistem ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu

- i. Setiap sekolah mempunyai kemudahan pusat sumber.

Huraikan faedah-faedah mengunjungi pusat sumber sekolah.

a. Format : Tiada

b. Diharapkan : Calon dapat menguraikan faedah-faedah atau kebaikan mengunjungi pusat sumber sekolah.

c. Cadangan jawapan :

- Dapat mengisi masa lapang
- Banyak bahan rujukan seperti majalah, ensiklopedia, buku-buku, kemudahan Internet dan sebagainya
- Tempat untuk perbincangan
- Suasana pembelajaran yang lebih tenang
- Dapat memupuk minat membaca

- ii. Berbagai-bagai aktiviti telah dijalankan untuk menarik minat pelajar mengunjungi pusat sumber sekolah. Selaku setiausaha pengawas pusat sumber, anda diminta menulis laporan tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

Sediakan laporan itu selengkapnya.

a. Format : Laporan

b. Diharapkan : Calon dapat menulis aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

c. Cadangan jawapan :

- Pertandingan bercerita, pidato, forum dan perbahasan
- Menggiatkan aktiviti NILAM
- Pertandingan keceriaan pusat sumber
- Memberi hadiah kepada pengunjung yang kerap berkunjung ke pusat sumber atau peminjam buku terbanyak
- Pertandingan menulis rencana atau cerita

d. Kemungkinan calon menulis karangan tidak mengikut format laporan – maksimum peringkat **kepujian (20 – 25 markah)**

iii. Pusat sumber sekolah menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada warga sekolah.

Berikan pendapat anda tentang ciri-ciri pusat sumber sekolah yang anda inginkan.

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menghuraikan ciri-ciri pusat sumber yang diinginkan.
- c. Cadangan jawapan :
 - Pelbagai jenis bahan rujukan/bahan bacaan
 - Selesa/kondusif
 - Suasana ceria
 - Kemudahan pinjaman yang efisien
 - Kakitangan/pengawas pusat sumber yang mesra pelanggan
 - Kemudahan TMK
 - Banyak aktiviti/pertandingan yang boleh jalankan

PANDUAN PENSKORAN TAMAT

